

Hasil pekebun getah terjamin jika orang tengah dihapuskan

PETALING JAYA: Cadangan menetapkan harga lantai RM5 sekilogram bagi getah seke-
rap dan RM15 sekilogram bagi
susu getah bukan jaminan un-
tuk meningkatkan pendapatan
pekebun kecil, selagi struktur
industri yang menekan mereka
tidak diperbaiki.

Pakar Sekuriti Makanan,
Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah
Mohamed Arshad berkata,
penetapan harga lantai han-
yalah satu bentuk sokongan
minimum yang tidak dapat
mengatasi pelbagai cabaran se-
benar dihadapi pekebun kecil
di lapangan.

Beliau berkata, walaupun
harga ditetapkan secara rasmi,
realitinya pekebun kecil kerap
menerima bayaran jauh lebih
rendah.

“Ada yang hanya dapat
RM40 hingga RM70 lebih ren-
dah daripada kadar sepatutnya
setelah pelbagai potongan oleh
peraih dan pembeli.

“Pendapatan bersih peke-
bun kecil bukan bergantung
kepada harga semata-mata.
Kalau kos pengeluaran naik
atau pembeli tolak harga sebab
getah dianggap kotor atau
mutu rendah, hasil mereka
tetap terjejas,” katanya kepada

Utusan Malaysia.

Semalam, akhbar ini me-
laporkan, perkara mengenai
penetapan harga itu akan dike-
tengahkan menerusi kertas ca-
dangan yang kini dalam proses
untuk disiapkan dan seterusnya
akan dibentangkan dalam
Mesyuarat Kabinet dalam
masa terdekat.

Fatimah berkata, masalah
utama yang membelenggu in-
dustri ialah dominasi orang
tengah dan kuasa tawar-mena-
war yang tidak seimbang anta-
ra pekebun kecil dan syarikat
besar.

“Kilang besar yang berinte-
grasi dengan syarikat sarung-
tangan, contohnya, mempu-
nyai kuasa beli yang kuat.
Tapi pekebun kecil cuma ada
hasil sedikit dan perlukan duit
segera, jadi mereka terpaksa
terima apa sahaja harga,” ka-
tanya.

Sementara itu, Pensyarah
Jabatan Perniagaantani dan
Ekonomi Biosumber, Fakulti
Pertanian, Universiti Putra Ma-
laysia (UPM), Prof. Dr. Norsida
Man menyifatkan cadangan
harga lantai itu realistik namun
pelaksanaannya memerlukan
pendekatan yang menyeluruh.

Katanya, walaupun sasaran

harga lantai itu realistik, pelak-
sanaannya agak mencabar
kerana struktur harga getah
berbeza mengikut kawasan.

“Penetapan harga di pering-
kat industri mungkin boleh
dilaksanakan, tetapi halangan
besar akan timbul di peringkat
lapangan kerana harga getah
boleh berbeza walaupun dalam
daerah atau negeri yang sama,”
katanya.

Menurut beliau, perbezaan
ini berpunca daripada pelba-
gai faktor seperti kualiti getah,
kos logistik dan kedudukan
lokasi ladang, selain perbezaan
strategi harga oleh peraih dan
pembeli.

Jelasnya, sebarang peneta-
pan harga juga perlu menda-
pat persetujuan semua pihak
dalam rantai nilai getah ter-
masuk penoreh, pembeli dan
pengilang.

“Faktor seperti harga se-
masa pasaran, permintaan dan
penawaran getah asli serta per-
saingan dengan harga getah
sintetik turut perlu diberi per-
hatian.

“Bila harga getah naik, se-
mula benda lain pun naik. Akh-
irnya yang kaya tetap pengi-
lang, yang susah tetap pekebun
kecil,” katanya.